

Headline	TNB beli ekuiti Vortex Solar		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	07 Jan 2017	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	30
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	168 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 9,114		



# TNB beli ekuiti Vortex Solar

→ Pembelian 50 peratus kepentingan menerusi anak syarikat babit nilai RM477j

**A**nak syarikat Tenaga Nasional Bhd (TNB), TNB International Sdn Bhd, mengambil alih 50 peratus kepentingan ekuiti dalam Vortex Solar Investments Sarl (Vortex Solar) membabitkan STG86 juta (RM477j).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, TNB berkata pengambilalihan itu membabitkan operasi portfolio 365 medium-voltan (MV) solar fotovoltan (PV) di Great Britain.

TNB berkata, pihak yang terbabit dalam perjanjian langganan dan pembiayaan, yang akan melanggan saham ekuiti baharu dalam Vortex Solar, ialah Beaufort Investments Sarl (Beaufort), anak syarikat milik penuh EFG Hermes Holding.

Katanya, Beaufort menubuhkan Vortex Solar bagi membiayai

sebahagian pengambilalihan oleh Vortex Solar UK Ltd (Vortex Solar UK), anak syarikat milik penuh tidak langsung Vortex Solar, ke atas semua saham TerraForm UK 2 Intermediate Holdings Ltd dan TerraForm UK 3 Intermediate Holdings Ltd (bersama 'Target') dan menebus nota pinjaman yang diberikan kepada Target.

## Operasi projek solar PV

Target memegang kepentingan tertentu dalam syarikat projek solar PV yang memiliki dan mengurus operasi projek solar PV di United Kingdom dengan kapasiti gabungan pemasangan bersih kira-kira 365 MW.

Menurut TNB, Vortex Solar UK semalam menandatangani perjanjian jual beli bersyarat dengan pemilik langsung Target, SunEdison Yieldco UK Holdco 2, LLC.

Ia bagi mengambil alih, secara langsung atau menerusi anak syarikat milik penuhnya, kesemua saham dan menebus nota pinjaman yang diberikan, kepada Target (Perjanjian Jual Beli).

Serentak itu juga, menerusi pelaksanaan Perjanjian Jual Beli itu, Beaufort dan Vortex Solar mendatangkan perjanjian pelaburan dan pengurusan aset (IAMA) membabitkan pengurusan Target dan portfolionya.

TNB juga mengumumkan ia memeterai perjanjian pemegangan saham semalam dengan Beaufort dan Vortex Solar untuk mengawal selia hubungan antara satu sama lain berkaitan Vortex Solar.

Transaksi itu dijangkakan selepas menjelang suku ketiga 2017 dan akan menyediakannya dengan pendapatan segera. **BERNAMA**